

Headline	Sekolah Asia bergabung jaga alam sekitar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Apr 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	34	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	383 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,570
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,709



Sekolah Asia bergabung jaga alam sekitar

Oleh NORIZAN ABDUL MUHID

pendidikan@utusan.com.my

GABUNGAN sekolah tempatan dan luar negara dalam program Sri Aman Environmental Youth Leadership Summit (Saeyls 2013) membuktikan keprihatinan dan peranan pelajar terhadap penjagaan alam sekitar adalah bersifat global.

Program Saeyls 2013 yang mempertingkatkan usaha penjagaan alam sekitar itu dianjurkan kali kedua hasil inisiatif Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Perempuan (P) Sri Aman, Petaling Jaya bermula tahun lalu.

Menurut Penolong Kanan Kokurikulum SMK (P) Sri Aman, Dr. Teh Lah Hoong, Saeyls 2013 mengumpulkan pelajar sekolah menengah tempatan dan luar negara untuk berkongsi pendapat dan kaedah berkesan memastikan kehijauan bumi terpelihara.

"Usaha ini bertepatan dengan tema Saeyls tahun ini iaitu *Youths-Leaders for a Greener Tomorrow*.

"Program ini dapat menyemai dan membina sifat-sifat kepimpinan dan kebolehan remaja untuk memimpin masyarakat dunia kearah sebuah komuniti masa depan yang mesra alam," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* dalam lawatan Saeyls 2013 di FRIM, Kepong baru-baru ini.

Beliau menambah, pengetahuan

aspek ekosistem, botani dan panduan menjaga alam sekitar termasuk pemuliharaan ekosistem diterapkan sepanjang program berlangsung.

Saeyls yang berlangsung selama tiga hari itu disertai 40 pelajar da-

ripada Sekolah Tun Fatimah, SMK Lembah Bidong, Sekolah Infant Jesus Convent, Malay College Kuala Kangsar dan SMK (P) St. George.

Sekolah luar negara yang mengambil bahagian pula ialah Al-Azhar Islamic Junior High School Indonesia dan MGD Girls School India.

Penglibatan itu merupakan kali kedua untuk Al-Azhar Islamic Junior High School dan MGD Girls School dalam menjayakan kempen alam sekitar melalui gabungan sekolah di peringkat Asia.

Peserta program diberi tugas dan pertandingan berkaitan penjagaan alam sekitar dalam usaha meningkatkan peranan pelajar memelihara alam sekitar.

Pelbagai aktiviti dilaksanakan termasuklah taklimat mengenali tumbuhan, ceramah kesedaran penjagaan alam sekitar, gotong-royong menanam pokok di Taman Paya Indah Wetland, Semenyih dan menyusuri hutan rimba Universiti Malaya (UM).

Selain itu, peserta turut dibawa melawat ke Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kepong untuk melihat lebih dekat operasi me-

ngurus ekosistem dan mengenali pelbagai jenis hidupan tumbuhan di situ.

Di FRIM, peserta bukan sahaja menimba pengetahuan mengenai tumbuhan dan pokok hutan yang ada di situ malah dibawa menyusuri denai bagi mendekati keindahan ke-

hijauan alam semula jadi.

Melalui Saeyls 2013, kata Lah Hoong, SMK (P) Sri Aman dapat menepati misi sekolah iaitu menjadi sekolah berprestasi tinggi bertaraf dunia.

Sementara itu, seorang peserta, **Wong Violet**, 16, memberitahu, dia menyertai Saeyls kerana mahu meningkatkan pengetahuan dan pengalaman secara lebih dekat mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar.

"Ketika ini, pelbagai kecanggihan dan dunia semakin moden maka kesedaran menjaga alam sekitar tidak boleh dipinggirkan dan ia sudah pasti menjadi tanggungjawab pelajar dan remaja untuk memastikannya," katanya.

Rakannya, **Masnizza Ramlan** pu la berpendapat, Saeyls memberi peluang kepada mereka menikmati keindahan alam semula jadi melalui program lawatan ke hutan rimba.

"Kawasan di hutan rimba UM antara yang masih kaya dengan keindahan alam semula jadi sekali gus mendekatkan peserta dengan habitat dan pengurusan ekosistem", ujarnya.

Headline	Sekolah Asia bergabung jaga alam sekitar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Apr 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	34	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	383 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,570
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,709



PESERTA Sri Aman Environmental Youth Leadership Summit (Saeyls 2013) bersama sukarelawan FRIM memerhati tumbuhan flora sempena program itu di Kepong, Kuala Lumpur baru-baru ini.